LATIHAN PDPR – Bahasa Melayu Kertas 2 SPM 1103/2

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 *markah*]

1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan* **tiga kata adjektif terbitan**. *Kemudian, bina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap* **kata adjektif terbitan** *tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menggugurkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Kuala Lumpur menjadi bandar raya yang semakin moden dan termasyhur di seantero dunia pada hari ini. Kendatipun gaya hidup segelintir warga kota di Kuala Lumpur pada masa ini semakin kebaratan, unsur-unsur tradisi yang menjadi warisan kita masih amat jelas kelihatan. Sebilangan individu mungkin berpendapat bahawa infrastruktur di Kuala Lumpur masih tidak secanggih bandar-bandar raya utama di negara-negara maju, kita harus berasa kagum bahawa Menara Kembar Petronas setinggi 88 tingkat masih merupakan bangunan berkembar tertinggi di dunia manakala Kuil Sri Mahamariamman pula ialah kuil Hindu tertua di Malaysia. Tepukan gemuruh juga harus kita berikan kepada diri kita sendiri apabila Kuala Lumpur diisytiharkan sebagai destinasi pelancongan global paling popular dengan menduduki tangga ke-10 menurut kajian daripada salah satu laman web kembara.

[6 *markah*]

(i)

Kata adjektif imbuhan:	
Ayat:	

(ii)

Kata adjektif imbuhan:	
Ayat:	

(iii)

Kata adjektif imbuhan:	
Ayat:	

LIVEWORKSHEETS

LATIHAN PDPR – Bahasa Melayu Kertas 2 SPM 1103/2

2 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti* **subjek** *dan* **predikat** *untuk ayat-ayat yang bergaris dalam petikan ini. Tulis jawapan anda seperti contoh yang berikut.*

Contoh:

Subjek: _____

Predikat: _____

Kreativiti dan inovasi ialah perkara yang sangat diperlukan dalam semua bidang kehidupan manusia. Sama ada yang berkaitan dengan urusan kehidupan biasa atau dalam bidang kerjaya, kedua-dua elemen ini memberikan impak yang besar kepada kemajuan seseorang. Oleh itu, kedua-duanya menjadi agenda yang besar dan sangat diambil berat oleh sektor kerajaan serta sektor swasta. Kreativiti memerlukan daya imaginasi yang tinggi dan kebolehan membina hubungan baharu terhadap maklumat lama dan sedia ada. Kreativiti juga boleh menghasilkan inovasi, iaitu idea atau cara untuk menambah baik proses atau cara lama agar lebih berkesan atau lebih menarik. Melalui inovasi, kita perlu menggunakan minda kreatif dan daya imaginasi tinggi.

Dipetik dan diubah suai daripada,
'Memacu Kreativiti dan Inovasi'
oleh Dr. Nor Hazrul Mohd Salleh,
hmetro.com.my.

[6 *markah*]

(i)

Subjek	:	
Perdikat	:	

(ii)

Subjek	:	
Perdikat	:	

(iii)

Subjek	:	
Perdikat	:	

LIVEWORKSHEETS

LATIHAN PDPR – Bahasa Melayu Kertas 2 SPM 1103/2

3 *Baca petikan teks ucapan di bawah dengan teliti. Teks ucapan tersebut mengandungi* **pelbagai kesalahan bahasa**. *Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin ayat-ayat dalam teks ucapan tersebut.*

Salam Malaysia Madani.

Dengan hati yang tulus ikhlas, mewakili seluruh kepimpinan daripada Kementerian Pendidikan, izinkan saya merakamkan ucapan Selamat Hari Guru kepada warga guru kita di seluruh negara.

Walau di mana pun para guru berada, sama ada di hujung daerah yang beratus batu jauhnya dari bandar, di tengah pulau yang sunyi-sepi, di tanah tinggi yang berhawa dingin, mahupun di tengah-tengah kesibukan kota kosmopolitan, hari ini, ucapan Selamat Hari Guru bergema merentas segala sempadan-sempadan. Scharusnya ucapan keramat ini menjengah masuk ke lubuk hati bukan sahaja setiap warga pendidik, malah seluruh anggota masyarakat.

Sejarah telah membuktikan yang kegemilangan sesebuah negara bergantung kepada kecemerlangan rakyatnya. Insan yang berperanan besar untuk mewujudkan kegemilangan tersebut, tidak lain dan tidak bukan, adalah guru. Dalam erti kata lain, tidak akan adanya doktor, jurutera, saintis, professor, menteri, ahli korporat dan sebagainya tanpa adanya didikan awal bermula dari seorang yang bergelar guru, yang mengajarkan kemahiran tulis dan baca.

Hari ini, pelbagai tren global menuntut kita untuk berfikir dan meneliti semula bidang pendidikan kita. Kehadiran saya dalam Kementerian Pendidikan diiringi dengan tuntutan semasa dan harapan pelbagai pihak agar agenda pembaharuan di dalam pendidikan negara digerakkan dengan segeranya.

Dipetik dan diubah suai daripada,
teks ucapan Menteri Pendidikan,
bersempena dengan sambutan Hari Guru Tahun 2023,
https://www.kcr.my.

[11 *markah*]

1.		7.	
2.		8.	
3.		9.	
4.		10.	
5.		11.	
6.			

LIVEWORKSHEETS